

## KLMUC dan University of Central Lancashire (UCLan) UK Raikan Kerjasama dengan Persembahan Fesyen Eksklusif

**Kuala Lumpur, 15 Julai 2016** –Menandakan permulaan usaha sama mereka dengan penuh bergaya, Kuala Lumpur University Metropolitan College (KLMUC) dan University of Central Lancashire (UCLan) UK mengadakan pertunjukan fesyen menampilkan para pelajar dan alumninya yang membawakan rekaan busana antarabangsa terkini, mencerminkan hubungan kerjasama yang baru terjalin.

Persembahan fesyen oleh Fakulti Rekabentuk dan Kreatif (FRK) memperlihatkan koleksi fesyen pakaian rekaan hampir 20 pereka fesyen generasi akan datang mewakili FRK dan UCLan. Pertunjukan fesyen ini adalah antara kesan awal pemeteraian kerjasama berprestij ini yang membolehkan pelajar KLMUC untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat antarabangsa serta menimba lebih pengalaman bagi mempersiapkan mereka untuk menceburi industri kelak dimana kredit yang diperolehi melalui program tawaran KLMUC boleh dipindahkan sepenuhnya ke UCLan. Pelajar turut berpeluang menamatkan pengajian dan memperoleh ijazah yang dianugerahkan institusi pendidikan antarabangsa yang terkenal itu.

Pemangku Naib Canselor KLMUC merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn Bhd, Mohamad Kamal Nawawi, berkata dalam ucapan perasmianya, “Transformasi dan perkembangan Fakulti Rekabentuk dan Kreatif adalah seiring dengan sambutan ulang tahun ke-10 KLMUC pada tahun ini. Ia mencerminkan komitmen kami untuk menjadi sebuah institusi yang membawakan pengalaman *Aplikasi Dunia Nyata* kepada pelajar kami.”

Transformasi akademik dan penyediaan menceburi industri adalah penting bagi KLMUC sejak ia menjadi sebahagian daripada Kumpulan Pendidikan ILMU pada tahun 2012. Menjelaskan tentang perubahan penting yang telah diterapkan ke dalam fakulti, Penolong Profesor Zuhaili Akmal Ismail, Dekan Fakulti Rekabentuk dan Kreatif KLMUC serta nadi penggerak di sebalik Pelancaran Semula FRK, berkata, “Objektif KLMUC adalah untuk meraikan warisan dan evolusi fakulti melalui pertunjukan fesyen istimewa kepada industri.” Beliau percaya bahawa para pelajar FRK adalah bakat-bakat emas masa hadapan yang mendapat inspirasi berada di tengah-tengah bandar metropolitan Kuala Lumpur. Mereka telah melibatkan diri secara langsung dan ditempatkan dalam ruang studio khas berkonsepkan idea agensi kreatif yang menggandingkan pelbagai bakat – antaranya pereka ruang, usahawan fesyen, penyampai visual & pereka produk. Sebagai Dekan, Penolong Profesor Zuhaili juga membawa bersama pengalaman luas dan jalinan hubungan industri antarabangsa yang juga merupakan antara asset fakulti, selaku finalis di *Cannes Lion* (2009) sebanyak dua kali, memenangi tiga pingat Emas dan *Pertunjukan Terbaik* daripada *Advertising Federation of New York* (2007) dan pernah terpilih sebagai salah seorang daripada 10 Pengarah Seni Terbaik di Amerika Syarikat (2010) oleh AdAge.

FRK kini mempunyai 600 pelajar. Persembahan Pelancaran Semula FRK turut disaksikan oleh ahli panel dan pelajar jemputan khas dari *School of Art, Design & Fashion*, University of Central Lancashire (UCLan) UK. Acara ini menarik kira-kira 200 pengunjung dari industri fesyen dan rekaan disamping rakan media, pelbagai organisasi bidang seni rekaan, bakal majikan dan pereka profesional termasuk masyarakat awam terpilih yang merupakan antara jemputan khas majlis.

## TAMAT ##

### **Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)**

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

**Pengajian Tinggi:** Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UNITAR, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint College, dan APIIT Sri Lanka.

**K-12:** Asia Pacific Schools (APS) yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), dan Tenby Schools. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ilmuedu.com>

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.ilmuedu.com.my](http://www.ilmuedu.com.my).

Facebook: [www.facebook.com/ILMUedu](http://www.facebook.com/ILMUedu)

Twitter: [www.twitter.com/ILMUedu](http://www.twitter.com/ILMUedu)

Instagram: [www.instagram.com/ILMUedu](http://www.instagram.com/ILMUedu)

YouTube: [www.youtube.com/channel/UCXypO-UL3y5SY12esciWAAQ](http://www.youtube.com/channel/UCXypO-UL3y5SY12esciWAAQ)

### **Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 50 program di bawah enam fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip *Aplikasi Dunia Nyata* sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)



**Untuk sebarang pertanyaan media:**

**Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd**

**Elyantie Mohamed**

**Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

**Yasmin Yusoff**

**Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my